

PEMIKIRAN TASAWUF SA'ID HAWWA DALAM PENTAFSIRAN AL-QUR'AN: TINJAUAN ISU-ISU KEROHANIAN TERPILIH¹

Muhamad Alihanafiah Norasid²
Dr. Mustaffa Abdullah³

Abstrak

Antara bidang pengajian Islam yang hangat dibahaskan ialah ilmu tasawuf. Para ulama' turut mengembangkan ilmu tasawuf dengan merujuk al-Qur'an sebagai batu asas pendalilan dan pentafsiran. Artikel ini bertujuan mendedahkan pemikiran tasawuf Sa'id Hawwa menerusi pentafsiran al-Qur'an yang dilakukan oleh beliau di samping meneliti beberapa isu kerohanian perspektif Sa'id Hawwa. Selain dikenali sebagai mufasir abad moden, Sa'id Hawwa juga dilihat begitu sinonim sebagai juru tasawuf. Uniknyanya, idea-idea tasawuf beliau diserasikan dengan gagasan islah yang tidak mengkesampingkan lapangan dakwah dan jihad. Apatah lagi, beliau turut mempromosikan tasawuf bercitra salaf dengan menggandingkan asas-asas pendalilan yang kukuh daripada al-Qur'an dan sunnah. Justeru, beberapa isu kerohanian meliputi kesepaduan tasawuf dengan kegiatan dakwah, kaifiat zikir, dan keperluan guru mursyid diteliti dalam artikel ini dengan mencermati pentafsiran Sa'id Hawwa terhadap ayat-ayat al-Qur'an berkaitan. Kajian perpustakaan ini dijalankan dengan menganalisis data yang dipetik daripada karya-karya Sa'id Hawwa serta karya-karya tafsir muktabar. Hasil dapatan menyaksikan Sa'id Hawwa telah berjaya mengemukakan tafsiran ayat yang kukuh sebagai sumber penghujahan terhadap beberapa isu kerohanian. Tambahan pula, beliau telah berjaya mempamerkan tasawuf amali yang disepadukan dengan roh jihad.

Kata kunci: Tasawuf, Tafsir

¹ Artikel ini dibentangkan dalam Persidangan Tahunan Penyelidikan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-6 (MUQADDAS VI) bertempat di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada Selasa, 19 Julai 2016.

² Calon Pascasiswazah Doktor Falsafah, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: *ribbiyyun87@gmail.com*.

³ Prof. Madya, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: *mustaffa@um.edu.my*.